

**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**  
**W.P KUALA LUMPUR, W.P PUTRAJAYA DAN**  
**SELANGOR**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

(Dikemaskini pada 25.11.2020)

BIL.	PERKARA
1.	Adakah syarikat Kredit Komuniti (KK) dan Pajak Gadai (PPG) perlu mendapatkan surat pengesahan kebenaran menjalankan operasi perniagaan daripada KPKT sepanjang tempoh PKPB ini?
	<b><u>Tidak.</u> Syarikat KK dan PPG tidak perlu mendapatkan surat pengesahan pengoperasian daripada KPKT kerana semua aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan.</b>
2.	Adakah syarikat KK/PPG boleh mengarahkan staf mereka untuk hadir bertugas dengan mengeluarkan surat arahan bertugas/ bekerja kepada mereka yang tinggal di kawasan zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)?
	<b><u>Tidak.</u> Syarikat KK/PPG tidak boleh mengarahkan staf mereka yang tinggal di kawasan zon PKPD untuk hadir bertugas. Surat arahan bertugas/bekerja hanya diperlukan bagi staf yang tinggal di daerah yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sahaja.</b>
3.	Adakah pemajak dari daerah lain dibenarkan untuk pergi ke kedai pajak yang berada di dalam kawasan PKPB bagi tujuan menebus barang sandaran/melanjutkan tempoh pajakan?
	<b><u>Boleh.</u> Pergerakan yang perlu melalui/ ke daerah/ negeri yang terlibat dengan PKPB (Negeri Selangor, W. P. Kuala Lumpur dan W. P. Putrajaya) dan dari daerah/ negeri yang terlibat dengan PKPB ke negeri-negeri lain adalah <u>dibenarkan</u> dan perlu <u>mendapatkan kebenaran daripada balai polis berhampiran</u> sebelum membuat perjalanan. Manakala pergerakan ke kawasan PKPD adalah berdasarkan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).</b>
4.	Apakah tempoh waktu pengoperasian syarikat KK dan PPG disepanjang PKPB ini?
	<b>Waktu pengoperasian syarikat KK dan PPG adalah dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.</b>
5.	Adakah urusan pelesenan KK dan PPG yang melibatkan kaunter setempat di Aras 1, KPKT dibuka?
	<b><u>Ya.</u> Kaunter setempat KPKT di Aras 1 akan beroperasi seperti berikut:  <b>Isnin – Khamis (9.00 pagi hingga 1.00 petang)</b>  <b>Jumaat – (9.00 pagi hingga 12.15 tengahari)</b>  <b>Sabtu, Ahad dan cuti umum - Tutup</b></b>

6.	Adakah urusan permohonan pelesenan boleh dibuat dalam tempoh PKPB ini?
	<b><u>Ya.</u> Semua urusan permohonan lesen KK/PPG boleh dibuat secara manual melalui serahan di kaunter Aras 1, KPKT /secara pos berdaftar/ atau emelkan kepada <a href="mailto:lesenbkkk@kpkt.gov.my">lesenbkkk@kpkt.gov.my</a>.</b>
7.	Bagaimana syarikat KK/PPG boleh menyemak status semua urusan permohonan lesen yang telah dihantar kepada KPKT?
	<b>Semakan status permohonan/ maklumat lanjut berhubung urusan permohonan lesen KK dan PPG boleh dibuat dengan menghubungi pegawai di Cawangan Pelesenan, BKKK di talian 03-8891 3285/ 4694/ 4693/ 4703 atau emelkan kepada <a href="mailto:lesenbkkk@kpkt.gov.my">lesenbkkk@kpkt.gov.my</a>.</b>
8.	Adakah sesi lelongan pajak gadai dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini?
	<b><u>Ya.</u> Sesi lelongan pajak gadai <u>dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.</u></b>
9.	Bagaimanakah syarikat KK boleh mendapatkan format baharu papan tanda iklan?
	<b>Format papan tanda iklan baharu KK boleh didapati di laman sesawang KPKT seperti berikut:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Layari <a href="http://www.kpkt.gov.my/">http://www.kpkt.gov.my/</a></li> <li>• → <i>HEBAHAN</i></li> <li>• → <i>PAPAN IKLAN KREDIT KOMUNITI</i></li> <li>• → <i>[KLIK UNTUK MUAT TURUN]</i></li> <li>• → <i>save di desktop / etc</i></li> <li>• → <i>cari AI File</i></li> </ul>
10.	Bagaimanakah orang awam boleh menyemak sama ada syarikat KK yang mengiklankan urusan pinjaman wang di internet adalah berlesen dengan KPKT atau tidak?
	<b>Semakan bagi syarikat KK (pemberi pinjam wang yang berlesen)/ didaftarkan di bawah KPKT boleh dibuat melalui <u>aplikasi i-KrediKom</u>. Namun, sekiranya terdapat keraguan berhubung iklan yang dipaparkan, orang awam dinasihatkan untuk terus menghubungi BKKK, KPKT di talian 03-8891 4667.</b>
11.	Memandangkan negara masih lagi berada di dalam situasi pandemik, adakah syarikat KK menawarkan pemberian moratorium kepada peminjam?
	<b>Syarikat KK telah disarankan untuk menawarkan pemberian moratorium atau memanjangkan tempoh moratorium kepada peminjam-peminjam yang terkesan akibat pandemik covid-19. Walau bagaimanapun, syarat dan kelayakan serta tempoh pemberian moratorium adalah bergantung kepada budi bicara syarikat.</b>